

## Kepentingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia

*The Importance of Religious Practice for the Elderly and Its Implementation in Selected Care  
Centers in Malaysia*

Zainursyamimi Zakaria✉, Zuliza Mohd Kusrin

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

### ABSTRAK

Hak dalam mengamalkan ajaran agama merupakan hak setiap individu seperti yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Dalam konteks hak amalan beragama untuk warga emas, ia dapat diperolehi melalui program penghayatan ibadah. Program penghayatan ibadah untuk warga emas ini dapat dipenuhi melalui pusat jagaan warga emas. Pelaksanaan program ini difokuskan terhadap pusat jagaan warga emas memandangkan pusat jagaan merupakan suatu badan yang bertanggungjawab terhadap penjagaan fizikal dan spiritual warga emas. Oleh itu, kajian ini menganalisis konsep warga emas, hak penghayatan agama dan beribadah oleh warga emas serta keperluan dan hikmah hak beragama melalui penghayatan ibadah. Kajian juga membincangkan program penghayatan ibadah untuk warga emas yang dilaksanakan oleh beberapa pusat jagaan yang menawarkan program penghayatan ibadah bagi memenuhi hak warga emas dari aspek amalan beragama. Reka bentuk kajian adalah secara analisis kandungan. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa program penghayatan ibadah amat diperlukan warga emas dalam memenuhi hak amalan beragama warga emas seperti bersyukur dan mendekati diri kepada Allah SWT, mendapat ketenangan serta istiqamah dalam beribadah. Bentuk-bentuk penghayatan agama yang wujud di pusat jagaan warga emas adalah seperti simulasi ibadah haji dan umrah, tafsir pengajian al-Qur'an dan tahsin ibadah.

### KATA KUNCI

Warga emas, hak beragama, penghayatan ibadah, pusat jagaan

### ABSTRACT

The right to practice religious teachings is a fundamental individual right as enshrined in Article 11 of the Federal Constitution. In the context of the elderly, this right can be realized through religious devotion programs. Such programs for the elderly are facilitated through elderly care centers, given that these centers are responsible for both the physical and spiritual care of the aged population. Therefore, this study analyzes the concept of the elderly, their rights to religious devotion and worship, as well as the necessity and wisdom of religious rights through devotional practices. The study also discusses the religious devotion programs for the elderly implemented by various care centers, which offer these programs to fulfill the elderly's rights in terms of religious practice. The study is designed as a content analysis, with collected data analyzed descriptively and thematically. The findings suggest that religious devotion programs are essential for the elderly to fulfill their rights to religious practices, such as expressing gratitude and drawing closer to Allah SWT, achieving tranquility, and steadfastness in worship. Forms of religious devotion existing in elderly care centers include simulated Hajj and Umrah rituals, interpretation of Al-Quran studies, and enhancement of worship practices.

### KEYWORDS

Elderly, rights to practice, program of religious, elderly care

### Article History

Received: April 7, 2023

Revised: June 18, 2023

Accepted: July 24, 2023

Published: December 15, 2023

### ✉ Contact

Zainursyamimi Zakaria  
(Corresponding Author)  
p98313@siswa.ukm.edu.my

### Citation

Zainursyamimi Zakaria, Zuliza  
Mohd Kusrin. 2023  
Kepentingan Amalan  
Beragama Bagi Warga Emas  
dan Perlaksanaannya  
di Pusat Jagaan Terpilih di  
Malaysia. *Journal of  
Contemporary Islamic Law*.  
8(2): 1-9.

### Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a  
Creative Commons Attribution-  
NonCommercial 4.0  
International License.  
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

## PENGENALAN

Islam memandang penuaan sebagai suatu proses yang perlu diuruskan dengan baik. Isu penuaan ini adalah isu universal yang dihadapi di seluruh dunia. Berdasarkan unjuran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Malaysia akan mencapai status Negara Tua menjelang tahun 2030 apabila 10% - 15% atau kira-kira 5.6 juta orang penduduk Malaysia adalah di kalangan mereka yang berumur 60 tahun ke atas atau dikenali sebagai golongan warga emas (Nur Zulfah 2022). Maka takrifan ini telah digunakan sebagai panduan untuk menyediakan program pembangunan untuk warga emas di Malaysia. Salah satu perkara yang perlu diberi penekanan dalam memegang status 'negara tua' adalah sejauh mana persediaan negara dalam memberi perhatian terhadap hak beragama warga emas agar ia tetap terpelihara dalam aspek hak warga emas.

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menyatakan tentang hak beragama yang meliputi hak menganut, mengamalkan dan menyebarkan ajaran agama. Hak mengamalkan amalan beragama adalah berkait dengan penghayatan agama atau secara khususnya beribadah. Istilah penghayatan ibadah membawa pendekatan kepada seorang muslim supaya menghayati setiap amalan ibadah yang dilaksanakan dengan berpandukan undang-undang dan aturan agama Islam sebagai rujukan utama. Penghayatan ibadah yang dilakukan oleh seorang hamba dengan tujuan beribadah kepada penciptanya adalah penting dalam memandu individu ke arah pembentukan sahsiah dan akhlak diri yang berkualiti (Nurul Farahana 2021). Penghayatan ini adalah penting dalam memenuhi hak mengamalkan agama dan dapat diperolehi melalui program yang dirancang dengan baik agar ia dapat memberikan impak positif terhadap warga emas. Warga emas memerlukan masa tua yang lebih baik iaitu melalui asas keperluan kerohanian yang dapat dipupuk melalui program penghayatan ibadah. Justeru artikel ini membincangkan tentang konsep warga emas, hak beragama dan beribadah warga emas, keperluan dan hikmah hak beragama melalui penghayatan ibadah dan penyediaan program penghayatan ibadah di pusat jagaan warga emas kini yang menjamin hak beragama mereka.

## KONSEP WARGA EMAS

Setiap manusia mempunyai hak untuk hidup dalam keadaan yang sejahtera, dijamin perlindungannya dan dalam keadaan baik. Pada tiap-tiap fasa kehidupan, Islam telah mengatur cara terbaik bagi menjamin hak seseorang itu tetap terjaga dalam urusan agamanya. Fasa tersebut dapat dibahagi menjadi 3 kategori. Pertama, fasa manusia itu seorang bayi dan kanak-kanak, kedua, fasa seorang manusia menjadi dewasa dan terakhir sekali, fasa penuaan atau dikenali dengan fasa warga emas. Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ نَضَّيْنَاهُ ثُمَّ كُنَّاكُمْ مِنْ مَّضْجَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ وَنُقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشَدَّكُمْ وَمِنْكُمْ مَّنْ يُتَوَقَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّنْ يَرُدُّ إِلَىٰ أَرْدَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْءًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ رَوْحٍ

بِهَيْجٍ

Maksudnya: "Wahai manusia! Jika kamu meragukan (hari) kebangkitan, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu; dan Kami tetapkan dalam rahim menurut kehendak Kami sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampai kepada usia dewasa, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (ada pula) di antara kamu yang dikembalikan sampai usia sangat tua (nyanyuk), sehingga dia tidak mengetahui lagi sesuatu yang telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air (hujan) di atasnya, hiduplah bumi itu dan menjadi subur dan menumbuhkan berbagai jenis pasangan (tumbuh-tumbuhan) yang indah". (Surah Al-Hajj 22:5)

Tafsir daripada ayat ini menjelaskan bahawa sesiapa yang dilanjutkan usia sampai ke tahap tua hendaklah diambil pengajaran. Ia juga menjelaskan bahawa usia tua akan membawa manusia kembali bersifat keanak-anakan daripada perkara emosi, tindak tanduk dan juga ilmunya. Mereka berada dalam keadaan lemah kekuatannya, akalunya dan kefahamannya serta kurang aktif. Mereka yang telah mencapai tahap ini juga menjalani keadaan di mana mereka mempunyai sifat mudah lupa (Tafsir Ibnu Kasir 2004). Ayat ini menjelaskan bahawa manusia akan menjalani fasa berperingkat di mana setiap manusia tidak boleh lari daripadanya. Bermula dengan setitik air mani dan disempurnakan kejadian manusia di alam rahim sehinggalah lahir dan hidup di muka bumi sampai suatu masa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Mereka yang sampai kepada fasa yang terakhir merupakan satu anugerah kerana tidak semua orang diberikan peluang untuk menjalani fasa akhir tersebut. Oleh itu, golongan yang telah diberi kesempatan oleh Allah SWT untuk melalui usia warga emas merupakan satu peluang bagi masyarakat dan negara memanfaatkannya bagi memperkasakan lagi peranan warga emas.

Menurut *World Assembly On Ageing 1982* di Vienna, warga emas dapat ditakrifkan sebagai mereka yang telah pun mencapai usia 60 tahun dan ke atas.

Takrifan ini selaras dengan takrifan warga emas di Malaysia. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, warga emas ialah mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas (KPWKM 2016). Tren penuaan dalam negara ini terbukti dengan meningkatnya bilangan warga emas sebanyak 15% berbanding bilangan dewasa dan kanak-kanak menjelang tahun 2030 iaitu fasa Malaysia menuju status negara tua (Rina 2020).

Usia warga emas membawa perubahan kemerosotan pada fungsi tubuh, kekuatan, intelek dan jiwa manusia. Mereka termasuk dalam golongan rentan yang terdedah dengan pelbagai ancaman. Oleh itu, sikap prihatin dan mengambil berat akan proses yang ditempuhi mereka ini haruslah dilakukan persediaan yang menyeluruh. Justeru hak mereka khususnya hak untuk mengamalkan ajaran agama perlu diambil berat agar kehidupan mereka selaras dengan syariat.

#### HAK PENGHAYATAN AGAMA DAN BERIBADAH OLEH WARGA EMAS

Agama merupakan asas utama yang paling penting dalam pegangan diri manusia. Jika agama dapat dihayati dengan baik, maka terhasil manusia yang berkualiti dan mulia. Sebahagian besar daripada perkara dalam agama Islam adalah tentang perkara ibadah. Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), ibadah dapat didefinisikan sebagai segala perbuatan yang dilakukan dengan tujuan kerana Tuhan seperti perbuatan sembahyang, berdoa dan berbuat baik sesama manusia. Menurut pakar fiqh pula, ibadah ialah perkara-perkara yang telah ditentukan oleh syariat dan wajib untuk dilaksanakan (Umar 2022). Manakala, pada pandangan ulama salaf, makna ibadah ialah tunduk, patuh dan menyerahkan diri secara penuh kepada Allah SWT. Ini juga membawa makna menyembah dan mentauhidkan Allah SWT sebagai satu-satunya Tuhan serta mengikuti segala perintah dan larangan-Nya dalam segala urusan dunia dan akhirat (Ali 2000). Oleh itu, ibadah dapat disimpulkan sebagai suatu perbuatan yang dilakukan atas dasar pengabdian diri seorang hamba kepada Allah SWT dengan cara mengikuti apa yang disuruh dan menjauhi apa yang dimurkai-Nya.

Perintah untuk beribadah kepada Allah SWT adalah satu bentuk perintah yang wajib untuk dilaksanakan oleh semua orang yang beriman. Perintah ibadah ini tidak diwujudkan dengan sia-sia tanpa alasan. Perintah ini datang bersama tujuan yang jelas dan semestinya untuk manfaat kehidupan manusia itu sendiri. Pertama, tujuan ibadah ialah untuk memelihara diri daripada segala bentuk seksaan Allah SWT dan memperolehi ganjaran syurga (Abdul Kallang 2018). Jika seorang hamba berusaha dalam melaksanakan ibadah secara baik dan bersungguh-sungguh, hal ini dapat mewujudkan hubungan baik antara hamba dan pencipta-Nya sekaligus dapat memperolehi darjat taqwa. Darjat taqwa yang diperolehi membuka jalan seorang hamba untuk

menjauhan diri daripada azab api neraka dan mendekatkannya dengan syurga. Kedua, tujuan ibadah adalah untuk menzahirkan rasa syukur atas segala nikmat dan kurniaan Allah SWT (Ahmad Jamburi 2010). Nikmat dan kurniaan Allah SWT kepada hamba-Nya adalah tidak terhitung banyaknya. Oleh yang demikian, melalui jalan beribadah dapat lah seorang hamba menunjukkan rasa syukur dan berterima kasih kerana telah menciptakan, mengangkat manusia sebagai khalifah dan mengizinkan manusia untuk memanfaatkan alam ciptaan Allah SWT. Seterusnya, tujuan ibadah adalah sebagai lambang kepatuhan hamba dengan mengingati Allah SWT untuk memperolehi rasa aman, tenang dan damai kepada hati dan emosi manusia (Nasir 2013). Ibadah merupakan ekspresi rasa kehambaan dan keikhlasan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, dengan ibadah yang dilaksanakan kerana Allah SWT, ia dapat menjauhan manusia daripada bersifat takut, bersedih hati, resah dan tidak tenteram apabila menjalani kehidupan di dunia. Dalam konteks tujuan ibadah ini, dapat dirumuskan bahawa semakin berkualiti ibadah yang dilakukan seorang hamba, maka semakin tinggi darjat hamba tersebut di sisi Allah SWT.

Ibadah yang dilakukan seorang hamba dapat mencapai tahap yang baik apabila ia dilakukan dengan penuh penghayatan. Penghayatan merupakan salah satu usaha untuk mewujudkan sikap istiqamah dalam melakukan amalan ibadah. Ibadah yang dilaksanakan dengan penuh penghayatan juga dapat memberi banyak manfaat kepada orang yang melakukannya. Oleh itu, penghayatan ibadah adalah penting kepada setiap muslim terutamanya mereka yang sudah pun bergelar warga emas. Tambahan lagi, aspek-aspek keagamaan yang diperlukan warga emas adalah berbentuk ketenangan jiwa, akal yang cerdas, roh yang sejahtera, kehidupan yang tenang dan hati yang dipenuhi dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (Elmi 2013). Hal yang demikian dapat diperolehi melalui penghayatan dalam melakukan ibadah. Penghayatan dalam ibadah adalah penting untuk memiliki jiwa dan batin yang tenang seterusnya memupuk warga emas yang mempunyai nilai-nilai positif dalam menghadapi usia tua.

Antara kepentingan mengamalkan hak beragama melalui penghayatan ibadah terhadap warga emas ialah dapat mendidik warga emas muslim dalam menjadikan syariat Islam sebagai satu cara hidup (Syarifah 2018). Islam merupakan agama yang syumul iaitu melengkapkan semua aspek kehidupan termasuklah aspek ibadah. Amalan ibadah yang dilakukan oleh warga emas dapat mempengaruhi motivasi mereka untuk meneruskan kehidupan dengan berfikiran positif dalam memperolehi kejayaan di dunia dan juga di akhirat. Tambahan lagi, ibadah yang dilaksanakan dengan penuh penghayatan menerbitkan kesedaran dalam diri warga emas untuk sentiasa berusaha melakukan sesuatu berpandukan aturan Islam. Sekiranya suatu amalan baik itu dilakukan dengan niat ibadah dan menurut syariat Islam, pasti

mendapat ganjaran mulia di sisi Allah SWT. Hal ini bersesuaian dengan hadis Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ ثُمَّ بَيَّنَّ ذَلِكَ. فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً. فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضَعِيفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ. وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً. فَإِنْ هُوَ هَمَّ بِهَا فَعَمِلَهَا كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah menetapkan nilai kebaikan dan kejahatan, kemudian Dia menjelaskannya. Maka barangsiapa berniat mengerjakan kebaikan tetapi tidak dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Jika ia berniat untuk berbuat kebaikan lalu ia mengerjakannya, Allah mencatatnya sebagai 10 sampai 700 kali kebaikan atau lebih banyak lagi. Jika ia berniat melakukan kejahatan, tetapi ia tidak mengerjakannya, Allah mencatatkan padanya satu kebaikan yang sempurna. Jika ia berniat melakukan kejahatan lalu dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kejahatan.”. (Riwayat Bukhari, Hadis no. 6491)

Selain itu, hak mengamalkan agama melalui penghayatan ibadah terhadap warga emas ialah dapat melahirkan warga emas yang bermotivasi, tenang dan ikhlas dalam melakukan ibadah (Zaid 2018). Perasaan bermotivasi, tenang dan ikhlas dapat dizahirkan melalui kefahaman dan ketelitian dalam ibadah yang dilakukan kerana menyedari bahawa ianya adalah tanggungjawab kepada Allah SWT. Warga emas yang mengamalkan ajaran agama melalui penghayatan ibadah akan merasai kemanisan dan kegembiraan dalam melaksanakannya. Hati dan perasaan mereka turut memperoleh rasa tenang dan tenteram apabila mengingati Allah SWT dalam ibadah yang khusyuk dilaksanakan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram”. (Surah Ar-Ra’d 13:28)

Dalam menghadapi usia lanjut, warga emas memerlukan keseimbangan daripada pelbagai aspek untuk menjamin kesejahteraan dan kewarasan berkekalan sepanjang menempuh fasa kehidupan. Selain aspek kesihatan fizikal, emosi dan spiritual memainkan peranan penting yang mesti dititikberatkan. Kualiti kehidupan yang baik dapat dicapai melalui pelbagai aspek antaranya ialah kekal bermotivasi, perasaan selamat dan tenteram, ikatan yang utuh, sosial yang sihat dan aktiviti-aktiviti yang memandu warga emas kekal aktif minda dan tubuh badan (Arasy 2019).

Seterusnya, kepentingan penghayatan ibadah ialah dapat mendekatkan warga emas dengan perkara kebaikan serta memelihara mereka daripada keburukan (Kamarul 2011). Hak warga emas untuk menghayati ibadah adalah penting kerana dengan memahami agama, manusia mampu memperbaiki diri dan jiwanya melalui jalan tunduk, patuh dan menyerah kepada Allah SWT sahaja. Al-Quran merupakan sumber ajaran yang paling utama yang harus dirujuk oleh umat Islam termasuk dalam aspek penghayatan ibadah, sepertimana yang difirmankan Allah SWT dalam ayat berikut:

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya: “Bacalah Kitab (Alquran) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingat Allah (solat) itu lebih besar (keutamaannya dari ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan”. (Surah Al-Ankabut 29:45)

Ayat ini menerangkan bahawa ibadah solat berperanan dalam menghalang seseorang daripada melakukan kemungkaran dan dapat mendorongnya dalam melakukan kebaikan. (Tafsir Ibnu Katsir 2004). Oleh itu, penting untuk warga emas mendapat jaminan dan sokongan dalam menghayati ibadah yang dilakukan bagi mengelakkan mereka terlibat dengan pengaruh negatif yang wujud di persekitaran mereka.

Jadi jelaslah di sini bahawa pentingnya hati dan jiwa seseorang itu dipenuhi dengan didikan hidup beragama. Kerajaan Malaysia melalui peruntukan undang-undang telah menjamin hak beragama manusia. Hal ini selaras dengan diri dan hati yang terdidik dengan agama merupakan lambang manifestasi penyerahan kebergantungan hidup hamba secara total hanya kepada Allah SWT mencakupi segala aspek kebaikan (Hermansyah 2022). Kepentingan hak beragama terutamanya dalam aspek ibadah harus diberi perhatian sejak dari usia kecil sehingga mencapai usia warga emas. Warga emas yang memiliki penghayatan ibadah yang tinggi akan bersifat tenang walaupun berhadapan dengan pelbagai ujian. Selain itu, amal ibadah yang dilakukan dengan penuh penghayatan menjadi benteng pertahanan yang melindungi diri dan jiwa daripada keburukan.

#### KEPERLUAN DAN HIKMAH HAK BERAGAMA MELALUI PENGHAYATAN IBADAH

Pada zaman ini, kurangnya kesedaran masyarakat dalam memenuhi hak warga emas terutamanya melalui penghayatan ibadah membawa kesan kepada warga emas yang tidak aktif dan kurang ilmu pengetahuan. Selain itu, terdapat segelintir warga emas yang berasa menyesal dalam menghadapi kehidupan hari tua kerana merasakan tidak dapat

memberikan sumbangan kudrat. Sifat ini membawa impak kepada warga emas yang tidak bersedia menghadapi hari tua yang produktif (Surina 2006). Justeru, pendekatan beragama merupakan teras kepada penyelesaian masalah ini. Rutin harian yang diaplikasikan melalui aktiviti-aktiviti di pusat jagaan mampu menangani masalah warga emas. Warga emas yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti keagamaan mempunyai tujuan berfokus dan perasaan tenang menjalani rutin harian (Azura & Suresh 2019). Hal ini berbeza dengan mereka yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan dan sosial di mana mereka berada dalam situasi tertekan, kemurungan dan kesunyian (Siti Marziah 2013).

Penghayatan dalam ibadah dapat diperolehi melalui pelbagai cara. Antaranya ialah dengan penguasaan yang baik dalam ilmu agama (Ridwan 2019). Setiap orang beriman haruslah sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan menguasai setiap ilmu agama. Hal ini termasuklah penguasaan ilmu ibadah. Penguasaan ilmu yang baik memberikan kesan terhadap penghayatan ibadah yang tinggi. Bagi konteks warga emas, cara yang terbaik untuk menzahirkan penghayatan dalam ibadah dapat dicapai melalui program berkaitan dengan penghayatan ibadah.

Keperluan program penghayatan ibadah di pusat jagaan penting untuk warga emas. Hal ini kerana pusat jagaan adalah satu organisasi yang amat dekat dengan warga emas. Beberapa kajian yang dijalankan menekankan pentingnya penghayatan agama warga emas dalam menghadapi realiti perubahan usia. Ia merupakan unsur penting dalam membentuk peribadi warga emas seterusnya mewujudkan warga emas yang bersifat aktif dan produktif (Baharin 2008). Penerapan nilai-nilai baik dapat dilakukan dengan berkesan melalui program penghayatan ibadah yang dilaksanakan di pusat jagaan. Program yang dilakukan secara berterusan dengan pelbagai pendekatan dapat memberi impak keberkesanan terhadap penghayatan ibadah warga emas.

Program yang menumpukan penghayatan ibadah sebagai tujuan utama memberi hikmah yang baik terhadap warga emas. Ia memberi peluang untuk warga emas terus bersemangat dalam menghadapi kehidupan walaupun mempunyai banyak kebimbangan. Terdapat beberapa hikmah yang dapat dihuraikan hasil daripada program penghayatan ibadah yang dilaksanakan terhadap warga emas. Antaranya ialah warga emas yang mengikuti program penghayatan ibadah memperoleh fizikal dan mental yang sejahtera (Azura 2012). Penghayatan ibadah seperti ibadah solat yang ditunaikan dengan tertib dan rukun yang betul dapat memberi kekuatan kepada fizikal warga emas tersebut. Setiap pergerakan dalam solat adalah ibarat senaman yang dapat mengaktifkan anggota tubuh manusia dan memberi kesan yang baik kepada kesihatan fizikal. Penghayatan dalam memaknai ibadah solat dengan penuh khusyuk dan taat kepada Allah SWT memberi ketenteraman kepada fikiran warga emas. Tambahan pula, ini akan

menimbulkan keyakinan kepada warga emas bahawa segala doa yang dilafazkan di setiap solat adalah didengari Allah SWT sekaligus memberi kesejahteraan kepada mental mereka. Hal ini kerana, kekuatan dalaman yang diperolehi akan mendorong manusia untuk kekal sihat dan berpuas hati dengan kehidupan yang telah dijalani. Dalam pada itu, terdapat hubungan yang positif antara amalan kerohanian dan warga emas. Warga emas yang melakukan amalan berkaitan kerohanian seperti bermeditasi, membaca bahan berunsurkan kerohanian, perbincangan tentang perkara kerohanian, berzikir dan berdoa mempunyai tekanan darah yang lebih rendah, kurang serangan jantung dan mempunyai sistem imun badan yang lebih kuat (P. Udhayakumar 2012).

Seterusnya, hikmah program penghayatan ibadah terhadap warga emas ialah mendidik dan melatih diri untuk sentiasa bersyukur dalam kehidupan (Walijah 2010). Penghayatan ibadah seperti ibadah puasa dapat melatih warga emas untuk sentiasa bersyukur dengan kehidupan yang dilalui oleh mereka. Ibadah puasa menuntut warga emas untuk mengutamakan Allah SWT dan mengalahkan kemahuan nafsu. Segala peraturan dan suruhan yang diperintahkan adalah berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT. Oleh itu, perasaan bersyukur akan hadir selaras dengan ketaatan menjalankan ibadah puasa kerana menyedari hakikat puasa adalah bertujuan menahan diri daripada lapar dan dahaga serta segala tuntutan nafsu yang bertentangan dengan ibadah puasa. Sifat untuk sentiasa bersyukur juga dapat dilatih apabila timbulnya perasaan belas kasihan kepada golongan yang susah dan merasa sendiri kesukaran mereka yang tidak mempunyai makanan untuk dimakan. Perasaan sentiasa bersyukur ini dapat mendidik warga emas untuk terus bersemangat dalam menjadi manusia bertakwa di sisi Allah SWT.

Selain itu, hikmah program penghayatan ibadah terhadap warga emas ialah dapat membiasakan warga emas untuk sentiasa mengingati Allah SWT, merendahkan diri kepada-Nya serta sentiasa mengagungkan kebesaran Allah SWT (Iftitah 2020). Program penghayatan ibadah dapat memberi kesedaran bahawa segala sesuatu yang dilakukan adalah dengan niat dan tujuan untuk mendekatkan diri sebagai hamba kepada penciptanya. Misalnya, program penghayatan ibadah haji yang menerangkan tentang disiplin haji dan turutan yang mesti diikuti oleh para jemaah sebagai salah satu usaha untuk memperoleh ibadah haji yang mabrur. Kepatuhan pada perintah ini dapat membuatkan warga emas berasa semakin dekat dengan Allah SWT dan mengagungkan-Nya. Kesedaran yang dipupuk daripada program ini membuatkan warga emas dapat merasakan kehadiran Allah SWT dalam setiap perbuatan yang dilakukan.

Program penghayatan ibadah yang tersusun dapat memberi impak pengetahuan dan potensi yang baik kearah mencapai usia tua yang bermanfaat. Dalam mendepani usia tua, warga emas amat

memerlukan bimbingan dan sokongan untuk memahami aturan agama dengan baik. Justeru, ia menjadi tanggungjawab pelbagai pihak untuk menjentik kesedaran warga emas untuk memenuhi hak mereka dalam kehidupan beragama.

#### PROGRAM PENGHAYATAN IBADAH UNTUK WARGA EMAS

Di bawah Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan turut menjelaskan bahawa tiap-tiap kumpulan agama berhak untuk menguruskan hal ehwal agamanya sendiri, menubuhkan dan menyenggarakan institusi-institusi bagi maksud agama atau khairat, dan memperoleh dan mempunyai harta dan memegang dan mentadbirkannya mengikut undang-undang. Hak untuk kebebasan beragama bagaimanapun tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral. Oleh itu, kewujudan pusat jagaan warga emas membuktikan bahawa mereka mendapat hak dan pembelaan di sisi undang-undang di Malaysia. Penubuhan pusat jagaan dapat memberikan perkhidmatan kepada golongan warga emas untuk terus mengekalkan hak agamanya dengan baik dan sejahtera.

Selaras dengan peningkatan statistik warga emas di Malaysia, berlaku juga peningkatan jumlah pendaftaran warga emas di pusat jagaan. Pada masa kini terdapat banyak pusat jagaan yang ditubuhkan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan sebagai inisiatif yang baik dalam menghadapi gelombang Malaysia sebagai Negara Tua 2030. Kebanyakan daripada pusat jagaan mewujudkan komuniti yang selamat buat warga emas bagi membolehkan mereka kekal aktif dan berada dalam keadaan sihat fizikal dan mental mereka (Muhammad Basir 2022). Kebebasan dalam melaksanakan amalan beragama juga dijamin di bawah Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan di mana ia menetapkan bahawa setiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya. Perkara 11 (1) menyatakan, "Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkannya" (laman web rasmi SUHAKAM 2022).

Jelas di sini bahawa hak untuk mengamalkan agama adalah bebas termasuklah untuk warga emas. Sehubungan dengan itu, usaha untuk menjamin hak warga emas agar dapat terus mengamalkan agama dapat diperolehi melalui kepelbagaian program di pusat jagaan warga emas terutamanya program penghayatan ibadah. Antara program yang dilaksanakan ialah program pengajian agama seperti ilmu Hadis, ilmu Fiqh, ilmu Tauhid, ilmu Tajwid dan Bahasa Arab. Dalam pada itu, tumpuan terhadap ilmu perubatan dan kesihatan warga emas turut dijadikan sebagai program yang diberi perhatian oleh pusat jagaan. Selain itu, program sambutan perayaan khusus pada bulan-bulan Islam juga dilaksanakan. Program ini disusun dan dilaksanakan mengikut jadual dan

silibus yang disediakan bagi memastikan ia dapat mencapai impak yang baik untuk warga emas. Program ini secara asasnya adalah dengan melantik ustaz dan ustazah yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam bidang bagi mengisi program dengan ilmu agama yang betul. Hasil daripada program penghayatan ibadah ini, warga emas lebih menghayati ilmu hadis dan mengamalkannya melalui ibadah yang dituntut dengan lebih baik dan penuh penghayatan. Hal ini memberi kesan positif kepada warga emas di mana mereka berasa gembira dan lebih tenang selepas mengikuti program penghayatan ibadah yang dirancang untuk mereka (Darul Insyirah 2021). Ini menunjukkan hak amalan beragama untuk warga emas dapat dipenuhi melalui program di pusat jagaan. Antara pusat jagaan yang menawarkan pelaksanaan program penghayatan ibadah seperti ini adalah Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah.

Kedua, program penghayatan ibadah yang dilaksanakan ialah simulasi ibadah haji dan umrah. Program ini memberi peluang kepada warga emas untuk merasai pengalaman melaksanakan ibadah haji dan umrah mengikut syarat dan rukun seperti ibadah haji yang sebenar di tanah suci Mekah. Program ini juga bertujuan mencetuskan inspirasi dan keinginan agar warga emas lebih menghayati hikmah tuntutan agama ini. Program ini dilaksanakan dengan bimbingan oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dan mahir dalam urusan umrah dan haji. Simulasi ini diadakan dengan mewujudkan replika kaabah bagi tujuan praktikal bertawaf seterusnya turut dijalankan aktiviti wukuf dan lain-lain rukun ibadah haji dan umrah. Program penghayatan ibadah haji dan umrah menghasilkan rasa syukur dan rindu kepada warga emas dalam menjawab seruan Allah SWT untuk terus mengamalkan amalan agama dengan bersungguh-sungguh. Selain itu, warga emas turut berpeluang untuk melibatkan diri dalam program *Malaysia Quran Hour*. Program dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan bacaan serta penerangan kebaikan surah as-Sajdah yang dibimbing oleh imam. Warga emas juga berpeluang untuk melakukan sujud tilawah yang jarang-jarang dilakukan. Dengan itu, program yang dilaksanakan ini memberi kesan emosi positif dan dapat mengatasi masalah kesunyian di kalangan warga emas (Nurul Hidayawatie 2021). Program yang diamalkan ini juga dapat mendekatkan warga emas kepada Allah SWT dan menghasilkan jiwa yang tenang, seronok dan gembira seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas. Antara pusat jagaan yang menawarkan pelaksanaan program penghayatan ibadah seperti ini adalah Pusat Jagaan Warga Emas Darul Hanan.

Ketiga, program penghayatan ibadah yang dilaksanakan ialah program tafsir al-Quran. Pengajian tafsir Al-Quran adalah luas dan mempunyai pelbagai kaedah dalam mempelajarinya. Salah satu daripada kaedahnya ialah kaedah tafsir tahlili iaitu mengkaji ayat al-Quran serta makna-makna yang terkandung di dalamnya. Program ini dibimbing oleh pakar yang

berpengalaman dan mahir dalam pentafsiran al-Quran. Pada waktu yang sama, ia juga dipimpin oleh warga emas di kalangan mereka sendiri yang merupakan bekas guru Al-Quran atau guru agama. Selain itu, program pengajian kitab yang tertumpu kepada ilmu-ilmu tauhid, fekah dan tasawuf turut dijalankan di sini. Program ini diberi tunjuk ajar oleh ulama-ulama jemputan yang ditetapkan dalam jadual. Antara kesan yang diperolehi warga emas setelah mengikuti program penghayatan ibadah di kompleks ini ialah mereka mendapatkan ketenangan jiwa serta dapat menghindarkan konflik emosi yang melanda usia tua mereka (Nor Raudah 2015). Hasil daripada program ini secara berterusan melahirkan warga emas yang dapat menghayati ibadah dengan baik melalui pembacaan dan huraian bacaan al-Quran dengan sempurna. Program ini juga berjaya melahirkan warga emas yang berketerampilan, saling bekerjasama dan memberikan impak yang baik terhadap peribadi mereka (Mohammad Haziq 2020). Dalam pada itu, program penghayatan ibadah ini diadakan juga pada bulan istimewa dalam Islam. Apabila tiba bulan Ramadan, jadual beribadah disediakan menggunakan konsep ibadah yang dilaksanakan di tanah suci dan dipraktikkan di sini. Solat tarawih 20 rakaat dan qiamullail berjemaah diadakan setiap malam dengan jemputan imam daripada luar negara. Selain itu, terdapat juga program rutin harian untuk warga emas yang telah ditetapkan dalam jadual. Program rutin diadakan seawal pagi iaitu qiamullail sehingga selesai solat Isyak. Semua program yang disediakan memberi natijah yang baik terhadap kehidupan warga emas. Antara kesan yang diperolehi warga emas setelah mengikuti program ini ialah mereka merasakan suasana kehidupan yang bermotivasi, perasaan tenang, perhubungan sosial yang sihat dan kehidupan yang kekal aktif (Arasy 2019). Hal ini menunjukkan kepentingan dalam membina dan melaksanakan program penghayatan ibadah sebagai langkah memenuhi hak amalan beragama untuk warga emas. Antara pusat jagaan yang menawarkan pelaksanaan program penghayatan ibadah seperti ini adalah Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud dan Kompleks Warga Emas Al-Jenderami.

Keempat, program 'Tahsin Ibadah' turut dilaksanakan sebagai salah satu bentuk program penghayatan ibadah untuk warga emas. Program ini diisi dengan pelbagai tema mengikut ketetapan daripada pusat jagaan. Antara pengisian yang dilakukan adalah pengenalan tentang rukhsah dalam solat yang diberikan khusus untuk warga emas. Program ini disampaikan dalam bentuk ceramah dan penerangan oleh penceramah bebas yang pakar dalam bab solat. Program seperti ini dapat memberi pendedahan dan penerangan secara terperinci tentang ibadah solat dan dalam masa yang sama menekankan kepentingan ibadah solat yang wajib dilaksanakan dengan penuh penghayatan dalam apa pun keadaan. Pada waktu yang sama, turut dilaksanakan sesi kuiz berkaitan dengan sirah Nabi Muhammad SAW. Kuiz ini disediakan untuk warga emas sebagai satu usaha

dalam menjadikan kisah perjalanan dan kehidupan Nabi Muhammad SAW sebagai pedoman dan teladan dalam menghadapi usia warga emas dengan lebih bermakna. Hasil daripada program yang dijalankan telah memberi manfaat dan menambahkan ilmu tentang perihal ibadah kepada warga emas (Yadim 2022). Antara pusat jagaan yang menawarkan pelaksanaan program penghayatan ibadah seperti ini adalah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Dungun dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Terengganu.

## KESIMPULAN

Berdasarkan analisis kajian yang dibuat menunjukkan bahawa warga emas adalah mereka yang telah pun mencapai usia 60 tahun dan ke atas serta menghadapi penurunan fungsi tubuh badan dan kekuatan jiwa. Fasa warga emas merupakan fasa penting memandangkan ia adalah satu peluang yang dikurniakan Allah SWT. Dalam menghadapi usia tua, hak beragama warga emas adalah sangat penting untuk dititikberatkan. Warga emas berhak dalam mengamalkan amalan agama mereka sesuai dengan yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan tentang hak beragama. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia melalui peruntukan undang-undang telah menjamin hak beragama untuk semua manusia termasuk golongan warga emas.

Program penghayatan ibadah dapat membantu warga emas dalam memenuhi hak mengamalkan ajaran agama dengan bebas. Di samping itu, ia juga membantu dalam mengatasi masalah kesunyian dan kemurungan dengan penyerahan diri dan jiwa sebagai hamba Allah SWT. Selain itu, warga emas memerlukan program ini adalah untuk memahami semua aspek dalam agama seterusnya dipraktikkan dalam amalan seharian. Pelbagai alternatif boleh dilakukan sebagai input program penghayatan ibadah untuk warga emas. Namun langkah paling mudah ialah melalui pusat jagaan. Pusat jagaan yang melaksanakan program penghayatan ibadah dengan teratur dan berkualiti dapat memenuhi hak beragama warga emas sekaligus mewujudkan warga emas yang berdikari, berilmu dan tenang jiwanya. Rentetan daripada itu, telah wujud pusat jagaan warga emas yang mempunyai pengisian penghayatan ibadah bagi memenuhi hak mengamalkan ajaran agama dan keperluan spiritual mereka.

## RUJUKAN

- Abdullah B. Muhammad. (2004). *Tafsir Ibnu Katsir Jilid 5 & 6*. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Abdul Kallang. (2018). *Konteks Ibadah Menurut Al-Quran*. Indonesia: Institut Agama Islam Negeri Bone.
- Ahmad Murshidi M., Mohd Nazri M. Z., & Zainuddin C. S. (2021). *Peranan Madrasah*

- Muhammadiyah dan Madrasah Rahmaniah Dalam Pengajian Turath di Kelantan*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Ridwan Osman & Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman. (2019). *Kerangka Konseptual Penghayatan Ibadah Maliyah Mahasiswa Islam*. Kuala Lumpur: UM.
- Arasy bin Masut @ Masod & Mashitah Abdul Mutalib. (2019). *Menerajui Usia Emas Yang Berkualiti: Kajian Kes Di Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud, Segamat*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azura Tamat., & Suresh Kumar. (2019). *Warga Emas Dan Pilihan Penempatan Di Pusat Jagaan Harian*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Baharin Mesir, Aminatuzuhariah M. A., Mohd Farhan N., & Norsamsiah M. (2008). *Kajian Pelaksanaan Program-Program Kerohanian Untuk Mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008.
- Dr. Umar Sulaiman Al-Asyqar (2022). *Fiqih Niat*. Kota Depok: Gema Insani Press.
- Elmi B., & Zainab I. (2013). *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua Dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*.
- Farhah H. N., & Denise K. C. L. (2017). *Kualiti Hidup dan Aktiviti Fizikal Warga Emas*. Bangi: UKM.
- Haerullah., & Elihami. (2020). *Dimensi Perkembangan Pendidikan Formal Dan Non Formal*. Indonesia: Universiti Muhammadiyah Enrekang.
- Hermansyah Adnan & Tarmizi Gadeng. 2022. *Jangan Gelisah (Sebuah Solusi Mencari Ketenangan Hidup)*. Indonesia: YPCM.
- Iftitah Jafar. 2020. *Ibadah Haji Dalam Al-Qur'an (Sekelumit Hikmah di Balik Pelaksanaan Ibadah Haji)*. Indonesia: UIN Alauddin.
- Kamarul Hazani Y. (2018). *Pelaksanaan Program Amali Solat Dalam Perkara Asas Fardu Ain (PAFA): Kajian Di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat*. Kuala Lumpur: UM.
- Khadijah Alavi., Noraini C. S., & Ponnusamy Subramaniam. (2019). *Hubungan Antara Kebimbangan Dan Kemurungan Dengan Kualiti Hidup Warga Emas Demensia: Keperluan Terapi Kenangan Berkelompok Di Institusi Penjagaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairul Azhar I. (2015). *Menghadapi Proses Penuaan menurut Maqasid al Syariah*. Putrajaya: Utusan Malaysia.
- Matt Bradshaw, & Blake Victor Kent. (2018). *Prayer, Attachment to God, and Changes in Psychological Well-Being in Later Life*. USA: Baylor University.
- Meilani D. S. (2019). *Masalah Warga Tua Dan Pemerksaan Keluarga Dalam Penjagaan Warga Tua Di Kelurahan Cibaduyut Kidul Bandung, Indonesia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Zaid M. Z., & Nurfahiratul & S. Rohaya. (2018). *Kepentingan Amalan Religiositi Dalam Pembangunan Profesional*. Sarawak: UITM.
- Mohammad Haziq M. I., & Abdul Hafiz A. (2020). *Pendidikan Pondok Sebagai Sebuah Institusi Pengajian Tafsir Al-Quran Di Negeri Johor*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasir M., Siti Norlina M., & Siti Aisyah P. (2013). *Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya Dengan Kesihatan Jiwa*. Johor: UTM.
- Mohd Nasir M., Wan Ismail W. D. (2013). *Peranan Ibadah Terhadap Kesihatan Jiwa*. Johor: UTM.
- Muhammad Basir. (2022). *Pusat Jagaan Berkualiti, Warga Emas Berhak Hidup Bahagia Di Usia Tua*. Selangor: Akhbar Selangor Kini.
- Muhammad Haniff H. (2019). *Islam dan Penuaan (Bahagian 2): Perancangan dan Pengurusan*. Singapura: Universiti Teknologi Nanyang.
- Noor Azura Z., Azri B., Jamalia A & Wan Naimah. (2012). *Hubungan Pergerakan Dalam Solat Dengan Terapi Kesihatan Fizikal*. Perlis: UITM.
- Nor Afiza M. F. (2018). *Kerja Kumpulan Dalam Meningkatkan Kefungsian Psikososial Warga Emas di Institusi: Suatu Penerokaan Awal*. Johor: INSAN E-Proceeding.
- Nor Raudah S. (2015). *Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Raudah Siren. (2015). *Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami*. Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Nur Syakiran I., Norehan A., Kalthum H., Shamzaeffa S., Ummu Atiyah A. Z., Rohana Y., & Nurzalyna M. Z. (2017). *Kesejahteraan hidup warga emas: perancangan berasaskan gender*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Zulfah M. A. S., Nor 'Adha A. H., Mohd Farok M. N., Sharifah Hana A. R., & Mashitah Nabees K. (2022). *Isu Global Penuaan Populasi Penduduk Dunia: Persediaan Malaysia Menuju Negara Tua*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7.
- Nurul Farahana Azman & Firuz-akhtar Lubis. (2021). *Peranan Akidah Dan Penghayatan Ibadah Dalam Catatan Kembara 'Pelukis Jalanan' dan 'Arkitek Jalanan' Karya Teme Abdullah Berdasarkan Konsep Pembangunan Insan*. Bangi: UKM.
- Nurul Hidayawatie M., Noor Shakirah M. A., & Salasiah Hanin H. (2021). *Impak Amalan Kerohanian Bagi Mengatasi Kesunyian Di Pusat Jagaan Warga Emas*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



- P. Udhayakumar, & P. Ilango. (2012). *Spirituality, Stress and Wellbeing among the Elderly Practising Spirituality*. India: Universiti Bharathidasan.
- Rina M. H. (2020). *Takrif Usia Warga Emas Masih Kekal 60 Tahun*. Putrajaya: Utusan Malaysia.
- Sahlawati A. B., Mariam A. M., Ahmad Zabidi A. R., & Safinah I. (2016). *Faktor Pemilihan Pondok Oleh Warga Emas: Kajian Di Pondok Yayasan Al-Jenderami, Selangor dan Pondok Madrasah Ar-Rahmaniah Ad-Diniah Lubuk Tapah, Kelantan*. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil 9 Isu Ii 2016.
- Siti Marziah Z., Khadijah Alavi., & Nasrudin S. (2013). *“Risiko Kesunyian dalam Kalangan Warga Tua di Rumah Seri Kenangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surina N. (2006). *Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas*. *Perlis: Universiti Teknologi Mara*. *Jurnal Intelek*, 4 (1).
- Syarifah Md. Y. (2018). *Usahawan Wanita Muslim Berjaya: Amalan Gaya Hidup Islam*. Kedah: UUM.
- Walijah Ahmad Jamburi. (2010). *Penghayatan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Islam: Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Petaling Jaya, Selangor*. Kedah: UUM.
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim, & Nor Salimah. (2010). *Dimensi Penghayatan Agama Mengikut Pendapat Tokoh Agama Semasa*. Kedah: UUM.
- Zulkiplie A. G., & Nor Salimah. (2017). *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bayan Linnas Siri Ke-116 Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/en/>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Online. (2017). <https://prpm.dbp.gov.my>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). <https://www.kpwkm.gov.my>
- Laman web rasmi Pusat Jagaan dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah: <https://www.darulinsyirah.com/>
- Laman web rasmi Pusat Jagaan Warga Emas Darul Hanan: <http://darulhananpenang.com/>
- Laman web rasmi Pondok Warga Emas Madrasah Ibnu Mas'ud: <http://www.ibnumasud.my/>
- Laman web rasmi Pondok Rahmaniah Lubuk Tapah: <https://www.facebook.com/pages/Madrasah-Ar-Rahmaniah-Ad-Diniah-Pondok-Lubok-Tapah>
- Laman web rasmi Kompleks Warga Emas Al-Jenderami: <https://aljenderami.com.my/>
- Laman web rasmi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) <https://suhakam.org.my/ms/portfolio/freedom-of-religion/>

# Journal of Contemporary **ISLAMIC LAW**

Volume: 8 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2023



**Published by:**  
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
[www.ukm.my/jcil](http://www.ukm.my/jcil)

eISSN 0127-788X



KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Keperntingan Amalan Beragama Bagi Warga Emas dan Perlaksanaannya di Pusat Jagaan Terpilih di Malaysia</b>	1-9
<i>The Importance of Religious Practice for the Elderly and Its Implementation in Selected Care Centers in Malaysia</i> Zainursyamimi Zakaria, Zuliza Mohd Kusrin	
<b>Hukum Normalisasi Hubungan Diplomatik dengan Israel Menurut Siyash Shar'iyah</b>	10-18
<i>The Legality of Normalizing Diplomatic Relations with Israel According to Siyash Shar'iyah</i> Mohamad Ridhuan bin Mohd Zawawi, Anwar Fakhri bin Omar	
<b>The Determination of Citizenship for Children Born Aboard International Flights: A Comparative Analysis Under International, Nigerian, and Islamic Legal Frameworks</b>	19-26
Ismail Adua Mustapha	
<b>Analisis Hibah Menurut Tinjauan Fiqh dan Kompilasi Hukum Ekonomi Syariah (KHES)</b>	27-34
<i>Analysis of Hibah (Gift) in the Context of Fiqh and the Compilation of Sharia Economic Law (KHES)</i> Asiah Aqilah Abdul Ghani, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda, Siti Fatimah Azani	
<b>Kefahaman Belia Muslim Memilih Pasangan Berdasarkan Konsep Kafa'ah Dalam Islam</b>	35-45
<i>Understanding of Muslim Youth in Selecting a Spouse Based on the Concept of Kafa'ah in Islam</i> Zuliza Mohd Kusrin, Ummi Syahirah Razak	
<b>Perlembagaan NGO Islam Di Malaysia: Analisis Terhadap Keperluan Pembentukan Garis Panduan</b>	46-52
<i>The Constitution of Islamic Non-Governmental Organizations in Malaysia: An Analytical Assessment of the Need for Establishing Guidelines</i> Nur Aina Abdulah, Norhoneydatie Abdul Manap	
<b>The Relationship Between Non-Halal Animals and Pandemic Diseases According to the Shafie School of Islamic Law</b>	53-60
Mohamed Faiz Asyraf Razali	
<b>Aplikasi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah dalam Instrumen Tahanan Pencegahan di Malaysia</b>	61-70
<i>Application of Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah in Preventive Detention Instruments in Malaysia</i> Muhammad Shaiffudin Bin Abu Bakar, Mohd Al Adib Bin Samuri	